

PM mahu banyak lagi teknologi baru ciptaannya tempatan

BANGI 2 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu banyak lagi teknologi baru ciptaan tempatan dihasilkan supaya hasrat kerajaan untuk Malaysia muncul sebagai sebuah negara perindustrian menjadi kejayaan dalam masa sesingkatnya.

Perdana Menteri berkata rakyat negara ini hendaklah mengejar teknologi dan jangan cuma menunggu untuk diserah bulat bulat teknologi asing.

Oleh demikian, tabiat menganggap proses penyerahan teknologi adalah tanggungjawab "orang lain dan bukan kita" hendaklah dikikis, tegasnya semasa melancarkan loji rintis diesel minyak kelapa sawit dan projek enjin Elko di ibu pejabat Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) di sini hari ini.

Loji rintis itu adalah yang pertama di dunia yang mengeluarkan diesel minyak kelapa sawit sebagai bahan bakar untuk tenaga dan meletakkan Malaysia di mata dunia sebagai perintis dalam bidang penerokaan, pengeluaran dan penggunaan minyak kelapa sawit sebagai sumber tenaga.

Datuk Sri Dr. Mahathir bangga kerana kejayaan Malaysia mencipta proses dan kaedah menukarkan minyak kelapa sawit kepada diesel, adalah contoh bahawa kemampuan negara ini dalam bidang sains dan teknologi asing tidaklah terlalu ketinggalan.

Perdana Menteri kesal kerana kerajaan tidak berhenti - henti mendengar tentang kecanggihan orang asing memindah teknologi

kepada rakyat negara ini.

"Tetapi kita tahu bahawa banyak negara membangun yang sudah mendapat taraf negara - negara perindustrian baru atau "newly industrialising countries" telah dapat menguasai teknologi baru.

"Kenapakah mereka boleh, tetapi kita tidak boleh, sedangkan punca teknologi adalah sama?" tanya beliau sambil berkata: "Jawabnya ialah kita menunggu untuk diserah bulat bulat teknologi asing."

Beliau berpendapat, oleh sebab sikap sedemikian, walaupun Malay-

LIHAT MUKA 11

IPM mahu teknologi ciptaan tempatan

MM 3 NOV 1985

sia sudah lama mengeluarkan sabun dengan cap yang terkenal dari kelapa sawit, seluar jeans cap terkenal di dunia, radio dan calculator kecil, penduduknya cuma tahu memasang komponen sahaja.

"Setengah para jurutera kita tidakpun tahu meneliti dan mengkaji circuit board supaya dapat mengeluarkan sendiri radio dan calculator. Kebanyakan dari jurutera kita lebih suka menjadi pentadbir dengan pangkat yang tinggi daripada mencipta sesuatu yang diminati oleh orang ramai," ujarnya.

Sebaliknya para jurutera di beberapa negara seperti Korea, Jepun dan Taiwan akan faham apabila melihat sahaja "circuit board" dan lain-lain dan melalui "reverse engineering," mereka dapat meniru dan kemudian merekabentuk barangan mereka sendiri.

Datuk Sri Dr. Mahathir lalu menyeru semua pihak

terutama agensi-agensi penyelidikan dan pembangunan (R&D), di sektor swasta dan awam, memberi tumpuan penyelidikan yang lebih untuk mencipta teknologi-teknologi baru supaya negara ini dapat mengambil beberapa banyak faedah daripada bahan mentah keluaran tempatan.

Kajian hendaklah dibuat untuk meningkatkan peruntukan untuk R&D di Malaysia oleh kerana ia adalah satu usaha yang penting untuk mengeksploitasikan sepenuhnya sesuatu bahan.

"Kegiatan R&D adalah penting jika kita mahu mengamalkan konsep tanpa pembaziran ke atas hasil dan keluaran kelapa sawit dan minyak kelapa sawit."

Perdana Menteri berkata peruntukan 0.64 peratus dari keluaran negara kasar (GNP) untuk R&D amatlah rendah berbanding dengan negara-negara

maju.

Beliau menyifatkan loji itu bukan sahaja telah menempa sejarah dalam kemajuan R&D, tetapi juga memberi implikasi besar kepada program perindustrian, ketahanan nasional dan kemajuan ekonomi negara pada keseluruhannya.

Adalah dianggarkan bahawa simpanan sumber petroleum mentah di negara ini akan kehabisan dalam masa 20 tahun lagi.

"Jika pada masa itu bekalan minyak dunia terganggu atau terputus, negara akan mengalami kesulitan besar. Justeru itu kita harus bersedia dengan sumber tenaga gantian yang terdapat di dalam negara kita," katanya.

Perdana Menteri memberitahu, berdasarkan ke-

pada penilaian awal, penggunaan minyak kelapa sawit sebagai bahan bakar adalah "viable."

Pada masa ini 18 peratus dari jumlah tenaga yang digunakan oleh industri pengangkutan di negara ini ialah dari diesel petroleum.

"Ada pendapat yang menyebut tentang ladang tenaga atau "energy farm" di mana minyak kelapa sawit ditukar kepada methyl ester untuk tenaga dan digunakan sebagai pengganti diesel.

"Oleh itu minyak kelapa sawit boleh memainkan peranan yang lebih luas di negara ini, terutama di waktu harganya rendah seperti sekarang akibat persaingan oleh lain-lain minyak makanan," syor beliau.